

SH 14/9/2019 M/S 29

Nelayan sedia bantu pihak berkuasa

ROMPIN

- Komuniti nelayan bersedia

membantu pihak berkuasa menyalurkan maklumat sekiranya berlaku pencerobohan bot nelayan asing dalam perairan negara.

Rata-rata nelayan ditemui menyatakan kesanggupan menjadi mata dan telinga agensi penguatkuasaan dalam menyalurkan maklumat.

Nelayan, Mohd Sarip Kapa, 53, berkata, nelayan sentiasa peka dengan keadaan di lautan termasuk memberi maklumat berkaitan pencerobohan perairan negara oleh nelayan asing.

"Kami beri kerjasama sebaiknya kepada agensi penguat kuasa dalam menyalurkan apa saja maklumat berkaitan pencerobohan.

"Malah kami juga boleh kenal pasti dari negara mana bot itu berdasarkan reka bentuk bot," katanya di sini semalam.

Menurutnya, dengan adanya pelbagai kemudahan membolehkan mereka memberi maklumat

**PENCEROBOHAN
NELAYAN ASING**



MOHD SARIP



ANUAR

dengan pantas kepada agensi penguat kuasa.

"Sekarang ini, semua di hujung jari dan di lautan juga, kita boleh salur maklumat serta lokasi berlakunya aktiviti pencerobohan nelayan asing," katanya.

Sementara itu, Anuar Talib, 49, berkata, kerjasama dengan penguat kuasa perlu bagi memastikan perairan negara tidak terus diceroboh.

Katanya, dia bersama komuniti nelayan di kawasan Rompin sentiasa bersedia dalam menyalurkan maklumat kepada pihak berkaitan.

"Kami tahu akan tanggungjawab kami sebab itu kami beri kerjasama dan bantu pihak berkuasa da-

lam mengawal pencerobohan di lautan.

"Tambah pula, kerja kami hari-hari berada di lautan dan memudahkan tugas kami untuk memberi maklumat jika ada yang meragukan," katanya.

Bagi Al Fatah Riduan, 45, penyaluran maklumat daripada komuniti nelayan akan membuatkan nelayan asing takut menceroboh perairan negara.

Katanya, dalam mengawal pencerobohan, kerjasama komuniti nelayan dengan agensi penguatkuasaan memainkan peranan penting.

"Kami saling memerlukan dan perlu jaringan kerjasama antara kedua-dua pihak," katanya.